

04/08/1999

Tiada tanda pembangkang capai kata sepakat

Kadir Dikoh

DI IPOH, kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin pakatan pembangkang tidak mampu meniru kejayaan permuafakatan Barisan Nasional (BN) kerana pakatan itu tidak mempunyai persamaan. Sebagaimana sering ditegaskannya Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) tidak mungkin bersatu kerana masing-masing memperjuangkan matlamat yang berbeza. Pakatan itu juga tidak akan membawa faedah kerana pemimpinnya hanya mahu memastikan kemenangan dalam pilihan raya umum dan tidak mempunyai rancangan jangka panjang, termasuk membangunkan negara selepas memenangi pilihan raya.

Setakat ini, belum ada tanda-tanda barisan pembangkang Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) menemui formula konkrit yang dapat diterima sebulat suara berkisar kepada pengagihan kerusi Parlimen untuk ditandingi dalam pilihan raya umum akan datang.

Banyak kenyataan pemimpinnya bercanggah antara satu sama lain yang jelas menunjukkan ketidaksefahaman, penuh dengan sindiran dan perebutan selain unsur tamak.

Ketika DAP mahukan formula pengagihan 48:48:48 bagi kerusi Parlimen di Semenanjung, Pas pula menidak hasrat rakannya itu apabila Timbalan Presidennya, Abdul Hadi Awang menyatakan pakatan pembangkang mungkin memperuntukkan hanya 30 daripada 192 kerusi Parlimen kepada DAP.

Ini sekali gus memadamkan niat DAP untuk mendapat sekurang-kurangnya 48 kerusi seperti dibayangkan Pengerusi DAP Pusat, Dr Chen Man Hin, sebelum ini. Dalam pilihan raya umum lalu, DAP bertanding di 49 kerusi Parlimen dan menang di sembilan kawasan.

Menurut Hadi, jika mengikut pembahagian kerusi di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya lalu, 109 kerusi diberi kepada calon Melayu, Cina (56), Bumiputera (18) dan India (sembilan).

"Justeru, berdasarkan keadaan hari ini, DAP hanya bergantung kepada majoriti pengundi Cina iaitu kurang 56 kerusi...dia cuma boleh dapat 30 kerusi saja," katanya kepada pemberita di Parlimen 19 Julai lalu.

Bagaimanapun, sehari kemudian, Dr Chen berkata DAP masih mengekalkan cadangan asal untuk bertanding di 48 daripada 144 kerusi Parlimen di Semenanjung dan tidak dapat menerima pandangan Hadi itu.

Menurut sumber, walaupun DAP mahukan formula pengagihan sama rata 144 kerusi Parlimen di Semenanjung, pergeseran wujud dan masing-masing mahu bertanding di lebih banyak kerusi kerana merasakan peluang untuk menang lebih cerah berbanding rakan lain dalam pakatan pembangkang itu.

DAP dikatakan bersetuju untuk memberikan beberapa kerusinya kepada PRM. Namun, PRM dalam kenyataannya melahirkan rasa kecewa dengan formula itu sambil menyatakan bahawa parti pimpinan Dr Syed Husin Ali itu mempunyai kebolehan sendiri untuk berunding dengan parti lain kerusi dikehendakinya dengan tidak payah bergantung kepada mana-mana pihak.

Bekas Timbalan Setiausaha Publisiti DAP kebangsaan, Hu Sepang berkata mangsa utama formula pengagihan itu ialah Keadilan yang akan menjadi mangsa tipu helah pucuk pimpinan DAP dan Pas.

"Yang rugi ialah Keadilan kerana ia akan diberikan `kawasan maut' yang dimiliki Umno. Begitu juga nasib PRM yang dijanji diberikan kerusi DAP," kata bekas Ahli Parlimen Rasah itu di Seremban Rabu lalu.

Sebenarnya, pakatan pembangkang itu mahu menghadapi calon Barisan Nasional (BN) satu lawan satu, menumbangkan BN dan menjadi kerajaan

alternatif kepada rakyat Malaysia pelbagai kaum yang sedang melangkah ke era siber.

Jawatankuasa teknikal diketuai ahli majlis tertinggi Pas, Datuk Hishamudin Yahya, dikatakan masih merangka kaedah pengagihan kerusi itu dalam usaha untuk menyaingi calon BN.

Jawatankuasa itu ditubuhkan oleh empat parti pembangkang terbabit dianggotai dua wakil masing-masing, sejak mereka bersetuju bergabung tenaga. Untuk sekian lama sejak penubuhannya, jawatankuasa terbabit masih gagal mencapai permuafakatan peruntukan kerusi untuk ditandingi nanti.

Berikutan belum ada tanda-tanda penyelesaian konkrit dicapai dan dikatakan menemui jalan buntu, adalah diramalkan pembahagian kerusi Parlimen itu akan mencetuskan perbalahan sengit. Hari ini pun, sudah ada tanda-tanda perasaan tamak di kalangan parti pembangkang berkenaan.

Yang menariknya nanti ialah bagaimana pengagihan kerusi untuk ditandingi oleh Pas dan Keadilan.

Menurut pegawai Pas, asasnya ialah Pas akan bertanding di kawasan yang majoriti Melayu dan DAP di kawasan majoriti pengundi Cina manakala bakinya akan ditandingi oleh Keadilan dan PRM.

"Berapa banyak kerusi, dan di mana Keadilan dan Pas akan bertanding, nampaknya menjadi isu utama sekarang," kata sumber yang rapat dengan jawatankuasa teknikal itu.

Di Muktamar Tahunan Pas Mei lalu, beberapa ahlinya mendesak supaya parti itu dipastikan mendapat lebih kerusi berbanding Keadilan kerana Pas mempunyai jentera dan orang yang cukup untuk menghadapi pilihan raya berbanding parti pimpinan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail itu.

Ini menunjukkan sudah ada tanda-tanda penentangan ahli Pas terhadap kedudukan parti Keadilan yang dianggap tidak layak bertanding banyak kerusi kerana parti itu tidak segagah Pas yang hari ini sudah pun memerintah Kelantan.

(END)